

# **GARIS PANDUAN PINJAMAN PERALATAN ICT**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU  
(JHEAT)**

## REKOD PINDAAN

Bil.	Tarikh Pindaan	Ringkasan Pindaan	Kelulusan	Tarikh kuatkuasa
1.	22.08.2023	Pewujudan Garis Panduan		22.08.2023
2.	10.04.2024	Penambahan Klausus Garis Panduan		02.05.2024
3.				
4.				
5.				

## Kandungan

1.0 TUJUAN .....	1
2.0 SKOP .....	1
3.0 HAK MILIK .....	1
4.0 PERMOHONAN DAN PENERIMAAN .....	1
4.1 PERMOHONAN.....	1
4.2 PENERIMAAN.....	2
5.0 TEMPOH PINJAMAN .....	2
6.0 KEHILANGAN.....	2
7.0 PEMULANGAN.....	2
8.0 PEMATUHAN.....	

## **1. TUJUAN**

Garis panduan ini menyatakan tatacara, tanggungjawab dan peranan pengguna yang terdiri daipada kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dalam mengguna pakai kemudahan pinjaman peralatan dan perkakasan Teknologi Maklumat (ICT) yang disediakan.

## **2. SKOP**

Skop garis panduan ini melibatkan pinjaman peralatan ICT kategori mudah alih seperti Komputer Riba, LCD-Projector yang disediakan oleh Unit Teknologi Maklumat , Jheat.

## **3. HAK MILIK**

Semua peralatan ICT yang dipinjam dari Unit Teknologi Maklumat adalah hak milik penuh Kerajaan Negeri Terengganu

Peralatan dan perkakasan ICT tersebut tidak dibenarkan dijual, disewa, dipaten, dipinjam, disebar atau diberi kepada sesiapa atau entiti lain.

## **4. PERMOHONAN DAN PENERIMAAN**

### **4.1. PERMOHONAN**

- i. Permohonan pinjaman peralatan dan perkakasan ICT dibuat dengan mengisi Borang Pinjaman Peralatan/Perkakasan yang boleh dimuat turun dari web Jheat dengan menyatakan justifikasi penggunaan yang jelas dan perlu mendapat pengesahan dari Pegawai Unit Teknologi Maklumat.
- ii. Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada Unit Teknologi Maklumat,Jheat. sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh penggunaan.
- iii. Kelulusan permohonan adalah bergantung kepada justifikasi yang dinyatakan dan bergantung kepada ketersediaan peralatan/perkakasan yang diminta pada masa tersebut.

### **4.2. PENERIMAAN**

Unit Teknologi Maklumat dan penerima perlu memastikan peralatan/perkakasan berfungsi dan dalam keadaan yang baik sebelum diserahkan.

## **5. TEMPOH PINJAMAN**

Tempoh peminjaman adalah bergantung kepada tempoh sesuatu Aktiviti / mesyuarat / acara yang dilaksanakan;

Tempoh peminjaman maksima adalah **dua puluh lapan (28) hari**. Sekiranya ingin melanjutkan tempoh peminjaman, pengguna perlulah membuat permohonan semula seperti di perkara 4.1. Tindakan ini perlu diambil setiap kali pengguna ingin melanjutkan tempoh peminjaman (selepas tamat tempoh peminjaman maksima)

## **6. KEHILANGAN**

Sekiranya berlaku kehilangan dalam tempoh peminjaman, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut

- i. Pengguna yang berdaftar di atas peralatan tersebut perlulah membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam
- ii. Laporan bertulis hendaklah dibuat dengan segera dan dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan berserta dengan laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

## **7. PEMULANGAN**

Pemulangan peralatan adalah ditetapkan sebagaimana berikut :-

- i. Pengguna perlu memulangkan peralatan yang dipinjam mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan pengguna dikenakan denda lewat atau digantung kelayakan peminjaman dalam tempoh tertentu
- ii. Memastikan peralatan yang dipulangkan adalah dalam keadaan baik, berfungsi dan sama daripada segi jenama kuantiti dan kualiti termasuk aksesori yang dibekalkan; dan
- iii. Pengguna perlu memastikan setiap dokumen/data sulit yang dimuatnaik (upload) didalam laptop hendaklah dinyah aktif sebelum diserahkan kepada Unit ICT bagi menjamin kerahsiaan dokumen terjaga. Sekiranya dalam tempoh 3 hari data tersebut tidak dilupuskan, Unit ICT akan membuat proses lopus data (delete), Sebarang kehilangan data adalah menjadi tanggungjawab peminjam.
- iv. Membayar ganti rugi bagi kos membaikpulih sekiranya berlaku sebarang kerosakan ke atas peralatan disebabkan kecuaian semasa tempoh peminjaman

**8.**

- i. Kakitangan adalah tertakluk kepada semua dasar , peraturan, pekeliling , prosedur dan garis panduan yang berkaitan.
- ii. Kakitangan yang didapati tidak mematuhi atau melanggar mana –mana peraturan yang ditetapkan bawah dikenakan tindakan tatatertib dibawah akta Badan-badan Berkanun ( Tatatertib dan Surcaj ) 2000 ( Akta 605 )